

D.R. 6/94

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA
PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN
MALAYSIA 1994**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

LEMBAGA

3. Lembaga.
4. Fungsi-fungsi Lembaga.
5. Keanggotaan Lembaga.
6. Pengkhidmat awam.
7. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.
8. Penyata, laporan, akaun dan maklumat.
9. Kuasa Lembaga untuk menubuhkan jawatankuasa.

BAHAGIAN III

PENGERUSI, PEGAWAI, PENGKHIDMAT

10. Pengerusi.
11. Ketua Pegawai Eksekutif.
12. Perlantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.
13. Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan.
14. Peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib.

RANG UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Fasal

15. Kumpulan Wang.
16. Pemeliharaan Kumpulan Wang.
17. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada Kumpulan Wang.
18. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
19. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA LAIN LEMBAGA

20. Kuasa meminjam.
21. Kuasa untuk memberikan pinjaman.
22. Pelaburan.
23. Kuasa untuk mengguna-khidmat.
24. Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.

BAHAGIAN VI

PENDAFTARAN KONTRAKTOR-KONTRAKTOR

25. Pendaftaran kontraktor-kontraktor.
26. Daftar.
27. Notis menghendaki butir-butir.
28. Penalti kerana tidak mematuhi notis.
29. Penalti kerana menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa didaftarkan.
30. Notis kepada kontraktor tak berdaftar supaya menghentikan kerja-kerja pembinaan.
31. Kontraktor berdaftar tertakluk kepada Akta ini.

BAHAGIAN VII

AKREDITASI DAN PEMERAKUAN PEKERJA-PEKERJA
BINAAN MAHIR DAN PENYELIA-PENYELIA TAPAK BINAAN

32. Akreditasi dan pemerakuan.
33. Daftar.
34. Pengambilan kerja pekerja binaan mahir atau penyelia tapak binaan yang tak diakreditasi.

BAHAGIAN VIII

LEVI

Fasal

35. Pengenaan levi.

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

36. Perlantikan Pegawai-pegawai Penyiasat.

BAHAGIAN X

AM

37. Obligasi menyimpan rahsia.
38. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
39. Penjalanan pendakwaan.
40. Penalti am.
41. Kuasa untuk mengecualikan.
42. Peruntukan peralihan dan kecualian.

JADUAL

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsinya yang berhubungan dengan industri pembinaan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia; walau bagaimanapun Menteri boleh melalui perintah menggantung kuatkuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukan Akta ini di mana-mana bahagian di Malaysia.

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"anggota" ertinya seseorang anggota Lembaga termasuk Pengerusi;

"industri pembinaan" ertinya industri berkenaan dengan kerja-kerja pembinaan;

"kerja-kerja pembinaan" ertinya pembinaan, penyambungan, pemasangan, pembaikan, penyenggaraan, pembaharuan, pemindahan, pengubahsuaian, pengubahan, perombakan atau perobohan—

- (a) mana-mana bangunan, binaan, bangunan besar, struktur, tembok, pagar atau cerobong, sama ada dibina keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah paras bumi;
- (b) mana-mana jalan, kerja-kerja pelabuhan, landasan keretapi, laluan atau talian kabel, terusan atau padang terbang;
- (c) apa-apa kerja saluran, pengairan atau kawalan sungai;
- (d) apa-apa kerja elektrik, mekanikal, air, gas, petrokimia atau telekomunikasi; atau
- (e) mana-mana jambatan, jejambat, empangan, reservoir, kerja tanah, talian paip, pemetung, akueduk, pemacu, syaf, terowong atau kerja-kerja penebusgunaan,

dan termasuklah apa-apa kerja yang menjadi bahagian yang penting, atau adalah persediaan atau sementara bagi kerja-kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e), termasuk pembersihan tapak, penyelidikan dan pembaikan tanah, pemindahan tanah, penggalian, meletakkan batu asas, pemulihan dan melanskap tapak;

"Ketua Pegawai Eksekutif" ertinya Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 11;

"kontraktor" ertinya seseorang yang mengakujaji untuk menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan;

"Kumpulan Wang" ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 15;

"Lembaga" ertinya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan kerjaraya;

"pekerja binaan mahir" ertinya seseorang yang memiliki tahap kemahiran yang boleh diterima sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga daripada satu atau lebih tred seperti yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 5;

"penyelia tapak binaan" ertinya seseorang yang ditugaskan di tapak binaan oleh kontraktor untuk menyelia kerja-kerja pembinaan;

"syarikat" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada "perbadanan" di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965.

Akta 125.

BAHAGIAN II LEMBAGA

3. Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Lembaga Pembangunan Industri Lembaga. Pembinaan Malaysia" yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai biasa, yang boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan, tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai-janji, mendemis, menyerahkan semula, memindahmilikkan atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak pada Lembaga, mengikut apa-apa terma yang difikirkannya patut.

Fungsi-fungsi Lembaga. 4. (1) Fungsi-fungsi Lembaga ialah—

- (a) memajukan dan menggalakkan pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan;
- (b) menasihati dan membuat syor-syor kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang menyentuh atau berkaitan dengan industri pembinaan;
- (c) memajukan, menggalakkan dan mengusahakan penyelidikan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan industri pembinaan;
- (d) memajukan, menggalakkan dan membantu eksport perkhidmatan berhubungan dengan industri pembinaan;
- (e) mengadakan perkhidmatan perundingan dan nasihat berkenaan dengan industri pembinaan;
- (f) memajukan jaminan kualiti dalam industri pembinaan;
- (g) menggiatkan penstandardan dan pembaikan teknik pembinaan dan bahan binaan;
- (h) mendayausahakan dan menyenggara sistem maklumat industri pembinaan;
- (i) mengadakan, memajukan, mengkaji semula dan menyelaraskan program latihan yang dianjurkan oleh pusat latihan pembinaan awam dan persendirian bagi pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan;
- (j) meakreditasikan dan mendaftar kontraktor-kontraktor dan untuk membatalkan, menggantung atau memasukkan semula pendaftaran mana-mana kontraktor berdaftar; dan
- (k) meakreditasikan dan memperakui pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan.

(2) Lembaga adalah berkuasa melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya

perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya dan, khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas—

- (a) menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti-aktiviti berkenaan dengan industri pembinaan, yang penjalanannya didapati oleh Lembaga adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;
 - (b) mengawardkan perakuan kecekapan;
 - (c) dengan kelulusan Menteri, menubuhkan atau memperkembangkan, atau memajukan penubuhan atau pengembangan, syarikat-syarikat, perbadanan-perbadanan atau badan-badan lain untuk menjalankan mana-mana aktiviti sedemikian sama ada di bawah kawalan atau kawalan separa Lembaga atau secara bebas;
 - (d) mengadakan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman atau selainnya kepada orang-orang yang terlibat dalam industri pembinaan bagi maksud menggalakkan industri tersebut dan mengadakan apa-apa gerenti bagi pihak mereka;
 - (e) mengenakan fee atau apa-apa caj lain yang difikirkannya patut bagi melaksanakan mana-mana fungsi atau kuasanya;
 - (f) menerima, sebagai balasan apa-apa perkhidmatan yang mungkin diberikan olehnya, apa-apa komisen atau pembayaran sebagaimana yang telah dipersetujui dengan mana-mana orang; dan
 - (g) melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut bagi membolehkannya menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dengan berkesan.
- (3) Tertakluk kepada seksyen 7, adalah menjadi tanggungjawab Lembaga dalam melaksanakan fungsi-

fungsinya di bawah Akta ini untuk memastikan bahawa fungsi-fungsi itu dilaksanakan mengikut cara yang dapat menjayakan dasar Kerajaan yang sedang berkuatkuasa dan khususnya dasar yang berhubungan dengan industri pembinaan.

Keanggotaan
Lembaga.

5. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) enam orang wakil daripada sektor swasta; dan
- (c) empat orang wakil yang hendaklah memegang jawatan dalam perkhidmatan awam,

yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Peruntukan-peruntukan Jadual Pertama adalah terpakai bagi Lembaga.

Pengkhidmat
awam.

6. Semua anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga, semasa menunaikan kewajipan-kewajipan mereka sebagai anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga, hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

N.M.B.
Bab 45.

Kuasa
Menteri
untuk
memberikan
arahan.

7. Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri, dan Menteri boleh dari semasa ke semasa memberikan arahan-arahan yang tidak tak konsisten dengan Akta ini dan Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, melaksanakan segala arahan sedemikian.

Penyata,
laporan,
akaun dan
maklumat.

8. (1) Lembaga hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti-aktiviti Lembaga sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas akhir setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan,

jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Lembaga sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah dalam bentuk serta hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

9. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini.

Kuasa
Lembaga
untuk
menubuhkan
jawatankuasa.

(2) Lembaga boleh melantik mana-mana orang yang sesuai menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh memilih mana-mana anggotanya menjadi pengerusi dan boleh mengawalselia prosedurnya sendiri dan, pada menjalankan kuasa-kuasanya di bawah subseksyen ini, jawatankuasa itu hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberi kepadanya oleh Lembaga.

(4) Mana-mana mesyuarat jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa, tertakluk kepada subseksyen (3).

(5) Sesuatu jawatankuasa boleh menjemput mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya atas apa-apa perkara yang dibincangkan dengan syarat bahawa orang yang dijemput sedemikian itu tidak berhak mengundi di mana-mana mesyuarat itu.

(6) Anggota-anggota sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini dan mana-mana orang yang dijemput di bawah subseksyen (5) untuk

menghadiri mana-mana mesyuarat sesuatu jawatankuasa boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.

BAHAGIAN III

PENGERUSI, PEGAWAI, PENGKHIDMAT

Pengerusi.

10. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain Akta ini, Pengerusi hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(2) Jika Pengerusi tidak ada buat sementara di dalam Malaysia atau tidak berupaya oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang baik tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipannya, Menteri boleh melantik mana-mana anggota Lembaga untuk menjalankan kewajipan-kewajipan Pengerusi.

Ketua
Pegawai
Eksekutif.

11. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melantik seseorang bergelar "Ketua Pegawai Eksekutif" menjadi pegawai eksekutif utama dan meletakhakkan padanya apa-apa kuasa dan mempertanggungkan atasnya apa-apa kewajipan yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan wajar fungsi-fungsi dan hal-ehwal Lembaga,

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa pengawalan am atas pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain Lembaga.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

(5) Jika Ketua Pegawai Eksekutif tidak ada buat sementara di dalam Malaysia atau tidak berupaya oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang baik tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipannya, Lembaga boleh mengarahkan mana-mana pegawai lain menjalankan kewajipan-kewajipannya.

12. (1) Tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat di bawah seksyen 13, Lembaga boleh melantik, atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya wajar, pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

Perlantikan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

(2) Tiada seorang pun layak diambil kerja sebagai pegawai atau pengkhidmat Lembaga, jika dia, secara langsung atau secara tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa syer atau kepentingan dalam apa-apa kontrak, atau kontrak yang dicadangkan dengan, untuk atau bagi pihak Lembaga.

13. Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan.

14. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

Peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh termasuk peruntukan-peruntukan bagi—

(a) penahanan kerja dengan pengurangan gaji atau saraan lain; atau

(b) penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga sementara menanti keputusan prosiding tata tertib terhadapnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah mewujudkan apa-apa kesalahan tata tertib dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat.

(4) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh, dalam menetapkan prosedur bagi prosiding

tataterlib, memberikan peluang kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil membuat representasi sebelum keputusan diambil oleh Lembaga atas pertuduhan tatatertib terhadap orang itu.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

Kumpulan
Wang.

15. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan. bagi maksud-maksud Akta ini, suatu kumpulan wang yang akan ditadbirkan dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Akta ini oleh Parlimen;
- (b) wang yang didapati daripada perkhidmatan perundingan dan nasihat yang disediakan oleh Lembaga;
- (c) wang yang didapati daripada penjalanan sistem maklumat industri pembinaan;
- (d) wang yang didapati atau terbit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau yang terletak pada Lembaga;
- (e) apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Lembaga;
- (f) jumlah-jumlah wang yang dipinjam oleh Lembaga bagi maksud menjelaskan mana-mana obligasinya atau menunaikan mana-mana kewajipannya;
- (g) wang yang didapati daripada pendaftaran kontraktor-kontraktor dan akreditasi, pemerakuan dan pendaftaran pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan;
- (h) wang yang dipungut dengan cara levi di bawah seksyen 35 Akta ini; dan

- (i) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada, atau terletak pada, Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya.

16. Maka adalah menjadi kewajipan Lembaga memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan, menjalankan dan menunaikan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini untuk memastikan bahawa jumlah hasil Lembaga, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Menteri, cukup untuk membayar semua wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Pemeliharaan
Kumpulan
Wang

17. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Lembaga, termasuk fee dan kos guaman dan kos-kos dan fee-fee lain, dan saraan bagi pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat yang dilantik dan diambil kerja oleh Lembaga, termasuk elaun persaraan awal;
- (b) membayar apa-apa belanja, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujui dengan sepatutnya oleh Lembaga dalam melaksanakan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya di bawah seksyen 4;
- (c) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah Akta ini dan bunga yang kena dibayar atasnya; dan
- (d) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Perbelanjaan
yang
hendaklah
diper-
tanggungjawabkan
pada
Kumpulan
Wang.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.

18. (1) Perbelanjaan Lembaga sehingga sebanyak yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan setiap tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, dan sebelum permulaan tahun yang berikutnya Menteri hendaklah memberitahu Lembaga amau yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amau yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Lembaga boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

(4) Menteri boleh mengarahkan Lembaga mengemukakan suatu salinan anggaran atau anggaran tambahan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada mana-mana pihak berkuasa awam lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai.
Akta 240

19. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta ini.

BAHAGIAN V

KUASA-KUASA LAIN LEMBAGA

Kuasa untuk meminjam.

20. (1) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam, atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi menjelaskan mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya.

(2) Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, meminjam wang melalui pengeluaran bon, debentur atau stok daripada apa-apa kelas dan nilai dan atas apa-apa terma yang difikirkannya suaimanfaat, dengan kelulusan Menteri, bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut;

- (a) peruntukan modal kerja;
- (b) pelaksanaan fungsi-fungsi, penjalanan kuasa-kuasa dan penunaian kewajipan-kewajipan Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) pelaksanaan apa-apa fungsi tambahan yang diusahakan oleh Lembaga di bawah Akta ini;
- (d) penebusan apa-apa syer atau stok yang ia dikehendaki atau berhak menebusnya; dan
- (e) apa-apa perbelanjaan lain yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sewajarnya pada akaun modal.

21. Pada melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya dan menunaikan kewajipan-kewajipannya Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, memberikan pinjaman, dan pinjaman itu boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan oleh Lembaga, dengan kelulusan Menteri, patut dikenakan dalam mana-mana hal tertentu.

Kuasa untuk memberikan pinjaman.

22. Aset Lembaga, setakat yang tidak dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Lembaga di bawah Akta ini, hendaklah dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri.

Pelaburan.

23. Lembaga boleh mengguna-khidmat dan membayar ejen-ejen dan penasihat-penasihat teknik, termasuk peguambela dan peguamcara, jurubank, pengurus kumpulan wang, broker saham, juruukur, penilai dan orang-orang lain, untuk menjalankan apa-apa urusan atau melakukan apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya atau

Kuasa untuk mengguna-khidmat.

menunaikan kewajipan-kewajipannya atau bagi melaksanakan maksud-maksud Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk menubuhkan perbadanan.

24. (1) Lembaga boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menubuhkan sesuatu perbadanan, dengan apa-apa nama yang difikirkan patut oleh Lembaga, untuk melaksanakan dan untuk menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga pada melaksanakan fungsi-fungsinya, menjalankan kuasa-kuasanya atau menunaikan kewajipan-kewajipannya.

(2) Jadual Kedua adalah terpakai bagi tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga di bawah subseksyen (1).

BAHAGIAN VI

PENDAFTARAN KONTRAKTOR-KONTRAKTOR

Pendaftaran kontraktor-kontraktor.

25. (1) Tiada seorang pun boleh mengakujaji untuk menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(2) Tiap-tiap perakuan pendaftaran hendaklah mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan.

Daftar.

26. Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar yang hendaklah mengandungi nama, alamat perniagaan dan butir-butir lain kontraktor yang didaftarkan sebagai kontraktor berdaftar.

Notis menghendaki butir-butir.

27. (1) Bagi maksud menjalankan fungsi-fungsinya di bawah seksyen 4, Lembaga boleh dengan notis dalam bentuk yang ditetapkan menghendaki mana-mana orang memberi apa-apa butir dalam pengetahuan orang itu, atau dia boleh mendapatkan, berhubung dengan mana-mana kontraktor atau kerja pembinaan mengikut apa-apa cara dan bentuk sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

(2) Notis di bawah subseksyen (1) boleh disampaikan dengan menyerahkannya kepada orang itu di tapak binaan, tempat kerjanya atau di kediamannya.

(3) Sesuatu notis boleh menghendaki maklumat diberikan pada masa tertentu atau dalam lat-lat tempoh tertentu.

(4) Lembaga tidaklah boleh menghendaki mana-mana orang memberikan maklumat yang akan menzahirkan apa-apa rahsia perdagangan.

28. Seseorang yang—

(a) tidak mematuhi kehendak-kehendak suatu notis yang dikeluarkan di bawah seksyen 27; atau

(b) dengan disedarinya atau secara melulu memberikan atau menyebabkan diberikan apa-apa butir palsu mengenai apa-apa perkara yang dinyatakan dalam notis yang dikeluarkan di bawah seksyen 27,

Penalti kerana tidak mematuhi notis.

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

29. Seseorang yang mengakujaji untuk menjalankan atau menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan tanpa didaftarkan sebagai kontraktor berdaftar dengan Lembaga adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Penalti kerana menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa didaftarkan.

30. (1) Jika Lembaga mendapati bahawa kerja-kerja pembinaan sedang diusahakan atau dijalankan oleh kontraktor yang tidak berdaftar dengan Lembaga, Lembaga boleh dengan notis dalam bentuk yang ditetapkan yang disampaikan kepada kontraktor itu menghendakinya untuk tidak memulakan atau meneruskan kerja-kerja pembinaan itu.

Notis kepada kontraktor tak berdaftar supaya menghentikan kerja-kerja pembinaan.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi kehendak-kehendak notis di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit, dan dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari yang kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kontraktor
berdaftar
tertakluk
kepada
Akta ini.

31. Tiap-tiap kontraktor berdaftar adalah tertakluk kepada Akta ini.

BAHAGIAN VII

AKREDITASI DAN PEMERAKUAN PEKERJA-PEKERJA BINAAN MAHIR DAN PENYELIA-PENYELIA TAPAK BINAAN

Akreditasi
dan
pemerakuan.

32. (1) Lembaga hendaklah meakreditasikan dan memperakui pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan.

(2) Pekerja-pekerja binaan mahir yang disebut dalam subseksyen (1) adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui sesuatu perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, memotong, mengubah atau meminda Jadual Ketiga.

Daftar.

33. Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar yang hendaklah mengandungi nama, alamat, tred, kemahiran dan butir-butir lain mengenai pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan yang diakreditasikan.

Pengambilan
kerja pekerja
binaan mahir
atau penyelia
tapak binaan
yang tak
diakreditasi-
kan.

34. Seseorang kontraktor berdaftar yang mengambil kerja seseorang pekerja binaan mahir yang tak diakreditasikan atau seseorang penyelia tapak binaan yang tak diakreditasikan atau kedua-duanya adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

BAHAGIAN VIII

LEVI

35. (1) Tiap-tiap kontraktor berdaftar hendaklah memberitahu dan mengemukakan kepada Lembaga apa-apa kontrak yang dia telah sempurnakan ke atas apa-apa kerja pembinaan yang mempunyai jumlah kontrak lima ratus ribu ringgit ke atas. Pengenaaan
levi.

(2) Maka hendaklah dikenakan oleh Lembaga ke atas tiap-tiap kontraktor berdaftar, sebelum bermulanya apa-apa kerja pembinaan yang mempunyai jumlah kontrak lima ratus ribu ringgit ke atas, levi yang hendaklah suku peratus daripada jumlah kontrak.

(3) Lembaga hendaklah selepas itu memberitahu kontraktor berdaftar mengenai amaun levi yang kena dibayar dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(4) Levi boleh dibayar kepada Lembaga atau ejen-ejenya yang diberikuasa di mana-mana pejabat atau tempat yang ditentukan oleh Lembaga.

(5) Jika seseorang kontraktor berdaftar gagal membayar apa-apa levi yang kena dibayar dalam apa-apa tempoh yang ditetapkan, kontraktor berdaftar itu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(6) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengurangkan atau menaikkan kadar levi yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(7) Amaun apa-apa levi yang kena dibayar di bawah seksyen ini hendaklah didapatkan kembali sebagai hutang sivil yang kena dibayar kepada Lembaga.

(8) Dalam seksyen ini, "jumlah kontrak" ertinya balasan bagi suatu kontrak berkenaan dengan apa-apa kerja pembinaan.

BAHAGIAN IX

PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

Perlantikan
Pegawai-
pegawai
Penyiasat.

36. (1) Lembaga boleh melantik sekian bilangan pegawai-pegawai penyiasat yang dikenali sebagai Pegawai-Pegawai Penyiasat Lembaga yang difikirkannya perlu bagi maksud-maksud menjalankan penyiasatan mengenai apa-apa kesalahan atau pemeriksaan di bawah Akta ini.

(2) Seseorang Pegawai Penyiasat hendaklah, bagi maksud-maksud menentukan sama ada peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya adalah dipatuhi, mempunyai kuasa pada bila-bila masa yang munasabah untuk memasuki mana-mana tapak binaan di mana kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan dan membuat apa-apa siasatan atau pemeriksaan yang perlu bagi maksud-maksud itu.

(3) Semasa menjalankan sesuatu penyiasatan atau pemeriksaan di bawah seksyen ini Pegawai Penyiasat boleh—

(a) mengemukakan soalan-soalan berkenaan dengan pendaftaran mana-mana kontraktor, akreditasi dan pemerakuan pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan atau pembayaran levi, dan kesemua orang itu adalah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan-soalan itu dengan benar dengan sedaya upaya mereka; dan

(b) menghendaki mana-mana orang itu mengemukakan kepadanya apa-apa rekod yang dikehendaki disimpan di bawah Akta ini dan boleh menyitanya atau mengambil salinan-salinannya.

(4) Tiap-tiap Pegawai Penyiasat semasa menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini hendaklah mengisytiharkan jawatannya dan hendaklah menunjukkan kuasanya secara bertulis kepada mana-mana orang yang terjejas oleh perjalanan kuasa-kuasa itu.

(5) Apabila selesai penyiasatannya, Pegawai Penyiasat hendaklah dengan serta-merta memberi segala maklumat berhubungan dengan perlakuan apa-apa kesalahan kepada pegawai penjaga balai polis dan seseorang pegawai polis boleh, dengan waran, menangkap mana-mana orang yang mungkin telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

BAHAGIAN X

AM

37. (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang telah diperolehinya semasa menjalankan kewajipan-kewajibannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

Obligasi
menyimpan
rahsia.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

38. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang suaimanfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

Kuasa untuk
membuat
peraturan-
peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi—

- (a) menetapkan cara dan bentuk bagi pendaftaran kontraktor-kontraktor dan syarat-syarat pembatalan, penggantungan atau kemasukkan semula pendaftaran mana-mana kontraktor berdaftar;
- (b) menetapkan cara dan bentuk pungutan levi;
- (c) menetapkan bentuk dan cara penyampaian mana-mana notis yang dikehendaki di bawah Akta ini;

- (d) menetapkan fee-fee dan caj-caj yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa perkara yang dikehendaki bagi maksud-maksud Akta ini;
- (e) menetapkan cara dan bentuk akreditasi dan pemerakuan pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan;
- (f) menetapkan tanggungjawab dan kawalan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga;
- (g) menetapkan cara bagaimana dan terma-terma dan syarat-syarat yang atasnya pinjaman boleh diberikan oleh Lembaga di bawah seksyen 21;
- (h) mengadakan peruntukan pada amnya mengenai pelaksanaan fungsi-fungsi, penjalanan kuasa-kuasa dan penunaian kewajipan-kewajipan Lembaga di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini; dan
- (i) apa-apa perkara lain amnya untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

Penjalanan
pendakwaan.

39. (1) Tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

(2) Mana-mana pegawai Lembaga yang diberikuasa secara bertulis oleh Pengerusi Lembaga boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini.

Penalti am.

40. Mana-mana orang yang dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan melanggar mana-mana peruntukan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah melakukan suatu kesalahan dan jika tiada penalti diperuntukkan dengan khusus boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit.

Kuasa untuk
mengecualikan.

41. (1) Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri untuk dikenakan, mana-mana orang atau golongan orang

daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya—

- (a) atas alasan bahawa kontraktor itu menjalankan kerja-kerja pembinaan bagi maksud mendirikan kediaman bagi kegunaannya sendiri;
- (b) atas alasan bahawa kontraktor itu mengambil kerja kurang daripada tiga orang pekerja untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan; atau
- (c) bagi apa-apa sebab yang baik yang konsisten dengan maksud-maksud Akta ini.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* membatalkan mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika Menteri berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi boleh diberikan.

42. (1) Mana-mana orang yang sebelum sahaja tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini telah menjalankan apa-apa kerja pembinaan boleh terus berbuat demikian dalam tempoh dua belas bulan daripada mula berkuatkuasanya Akta ini:

Peruntukan peralihan dan kecualian.

Dengan syarat bahawa dalam tempoh itu orang itu hendaklah dengan seberapa segera yang praktik membuat permohonan bagi pendaftaran sebagai kontraktor atau bagi akreditasi, pemerakuan dan pendaftaran sebagai pekerja binaan mahir atau penyelia tapak binaan.

(2) Mana-mana kontraktor yang menjalankan apa-apa kerja pembinaan menurut suatu kontrak yang disempurnakan sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini hendaklah dikecualikan daripada pembayaran apa-apa levi di bawah seksyen 35.

JADUAL PERTAMA
(Subseksyen 5(2))

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI LEMBAGA

1. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara perlantikannya, seseorang anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan adalah layak dilantik semula.

perlantikan, pembatalan dan perletakan awatan

(2) Perlantikan mana-mana anggota boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Menteri tanpa memberikan apa-apa sebab.

(3) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat kepada Menteri.

(4) Tiap-tiap anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu bagi menunaikan kewajipan-kewajipannya dengan berkesan.

Pengosongan jawatan

2. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah atau di bawah seksyen 37; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tak sempurna akal atau, kerana apa-apa sebab lain, tak berupaya menunaikan kewajipan-kewajipannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Lembaga;
- (f) jika perletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika mana-mana orang terhenti menjadi anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, seorang lain hendaklah dilantik untuk menggantikannya mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan.

Saraan atau elaun.

3. Maka hendaklah dibayar kepada anggota-anggota Lembaga atau mana-mana orang lain (yang bukan pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang termasuk dalam peruntukan-peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang terpakai baginya) apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Mesyuarat

4. (I) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua bulan sekali.

(2) Kuorum Lembaga ialah tujuh orang.

(3) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini, Lembaga hendaklah menentukan prosedurnya sendiri.

5. Lembaga boleh menjemput atau meminta mana-mana orang (yang bukan anggota Lembaga) menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

6. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Meterai biasa.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan "Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa Lembaga.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan seorang Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberikuasa oleh Lembaga, dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau oleh orang yang diberikuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh salah seorang daripada mereka secara bertulis; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, disahkan sebagaimana yang disebutkan terdahulu, hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat Lembaga yang diberikuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa Lembaga hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

7. Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau secara tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat suatu kontrak atau yang ada mempunyai kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah menzahirkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Lembaga, dan penzahiran itu hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan,

Penzahiran kepentingan.

melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam perbincangan atau keputusan Lembaga yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Minit. 8. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, boleh diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Keesahan
perbuatan dan
prosiding.**

9. Tiada apa-apa perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan-peruntukan perenggan 7 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

JADUAL KEDUA

(Subseksyen 24(2))

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG TERPAKAI BAGI PERBADANAN YANG DITUBUHKAN OLEH LEMBAGA

**Kuasa Lembaga
untuk membuat
peraturan-
peraturan
berkenaan
dengan
perbadanan**

1. Lembaga hendaklah, dengan kelulusan Menteri, pada atau sebelum tarikh apa-apa perbadanan ditubuhkan di bawah seksyen 24, membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perbadanan itu yang menentukan—

- (a) maksud-maksud dan tujuan-tujuan perbadanan itu ditubuhkan;
- (b) hak-hak, kuasa-kuasa, kewajipan-kewajipan dan fungsi-fungsi perbadanan itu;
- (c) sistem pengurusan perbadanan itu; dan
- (d) hubungan antara perbadanan itu dengan Lembaga dan hak pengawalan Lembaga ke atas perbadanan itu.

**Batasan kuasa
menubuhkan
perbadanan.**

2. Tiada apa-apa jua dalam perenggan 1 boleh disifatkan sebagai memberikuasa Lembaga membuat peraturan-peraturan untuk menubuhkan apa-apa perbadanan bagi apa-apa maksud atau tujuan

yang lebih luas bidangnya daripada maksud-maksud atau tujuan-tujuan Lembaga itu ditubuhkan atau memberi mana-mana perbadanan apa-apa hak, kewajipan, kuasa atau fungsi yang tidak termasuk antara hak-hak, kewajipan-kewajipan, kuasa-kuasa atau fungsi-fungsi Lembaga di bawah Akta ini.

3. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 38, sesuatu perbadanan hendaklah terikat dengan apa-apa peraturan yang dibuat berkenaan dengannya di bawah perenggan 1 dan peraturan-peraturan itu hendaklah berkuatkuasa bagi segala maksud seolah-olah peraturan-peraturan itu telah diperbuat dalam Akta ini.

Kuatkuasa
peraturan-
peraturan.

4. Lembaga boleh pada bila-bila masa, dengan kelulusan Menteri, meminda, membatalkan atau menambah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 berkenaan dengan mana-mana perbadanan.

Pindaan
peraturan-
peraturan.

5. Lembaga hendaklah menyimpan suatu daftar dalam bentuk yang ditetapkan mengenai semua perbadanan yang ditubuhkan olehnya di bawah seksyen 24 dan daftar itu, bersama dengan salinan segala peraturan yang dibuat di bawah perenggan 1 dan 4, hendaklah terbuka untuk pemeriksaan awam di tempat atau tempat-tempat dan pada bila-bila masa yang ditetapkan olehnya.

Daftar
perbadanan

6. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya mana-mana perbadanan yang ditubuhkan olehnya digulung dan dibubarkan.

Penggulungan.

(2) Apabila mana-mana perbadanan dibubarkan di bawah perenggan ini, aset perbadanan itu hendaklah berpindah dan terletak hak pada Lembaga setelah segala liabilitinya ditunaikan.

(3) Penggulungan sesuatu perbadanan di bawah perenggan ini hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Lembaga.

7. Tiap-tiap perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 24 adalah menjadi suatu pertubuhan perbadanan dengan apa-apa nama yang diberikan oleh Lembaga dan hendaklah kekal turun-temurun, dan mempunyai suatu meterai biasa dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama itu dan, bagi maksud melaksanakan projek, skim atau perusahaan yang kerananya ia telah ditubuhkan, boleh membuat kontrak dan boleh memegang dan membuat apa-apa urusan berkenaan dengan apa-apa harta tak alih atau harta alih dan boleh melakukan segala perkara dan benda lain yang bersampingan atau berkaitan dengan sesuatu pertubuhan perbadanan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini dan dengan tertakluk kepada apa-apa sekatan atau batasan sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dalam setiap hal.

Perbadanan
hendaklah
menjadi
pertubuhan
perbadanan.

Meterai biasa perbadanan.

8. (1) Tiap-tiap perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi apa-apa tanda yang diluluskan oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga dan meterai itu boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan dengan kelulusan Lembaga.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh perbadanan, suatu cap yang mengandungi nama perbadanan melingkungi huruf "LPIPM" boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa perbadanan itu.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan orang yang diberikuasa oleh perbadanan dan hendaklah disahkan oleh orang itu; dan semua suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai itu, disahkan sebagaimana yang disebutkan terdahulu, hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh disempurnakan dengan cara yang serupa oleh perbadanan; dan mana-mana dokumen atau suratcara itu boleh disempurnakan bagi pihak perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pengkhidmat perbadanan yang diberikuasa secara am atau khas oleh perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai biasa tiap-tiap perbadanan hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

JADUAL KETIGA

(Seksyen 2 dan subseksyen 32(2))

PEKERJA-PEKERJA BINAAN MAHIR

1. Tukang konkrit
2. Pembengkok bar
3. Tukang kayu
4. Penurap batu/Tukang batu
5. Tukang plaster/Tukang turap
6. Tukang jubin
7. Tukang cat
8. Tukang kayu halus
9. Pekerja logam
10. Tukang buat longkang

11. Tukang kaca
12. Pengimpal
13. Pengendali loji binaan
14. Tukang paip
15. Juruelektrik Berlesen

HURAIAN

Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 yang dicadangkan ("Akta") bertujuan menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia" yang bertanggungjawab bagi kawalan, pembangunan, pembaikan dan pengembangan industri pembinaan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian 1 bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* bertujuan memperkatakan tajuk ringkas dan membenarkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Akta. Akta hendaklah terpakai di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun Menteri boleh melalui perintah menggantung kuasa kuasa keseluruhan atau mana-mana peruntukannya di mana-mana Negeri.
4. *Fasal 2* bertujuan mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II mengandungi peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan, fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan keanggotaan Lembaga.
6. *Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga sebagai pertubuhan perbadanan.
7. *Fasal 4* bertujuan menjelaskan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Lembaga.
8. *Fasal 5* bertujuan mengadakan peruntukan bagi keanggotaan Lembaga.

9. *Fasal 6* bertujuan menyifatkan semua anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.

10. *Fasal 7* bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk memberi arahan kepada Lembaga dari semasa ke semasa.

11. *Fasal 8* bertujuan memperkatakan pemberian penyata, laporan, akaun dan maklumat oleh Lembaga berkenaan dengan harta dan aktiviti-aktivitinya atas arahan Menteri.

12. *Fasal 9* bertujuan membolehkan Lembaga menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsi-fungsinya.

BAHAGIAN III

13. Bahagian III bertujuan memperkatakan peruntukan-peruntukan berhubung dengan Pengerusi Lembaga dan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya.

14. *Fasal 10* bertujuan menjelaskan kewajipan-kewajipan Pengerusi Lembaga. Semasa ketiadaannya, Menteri hendaklah melantik mana-mana anggota Lembaga untuk menjalankan kewajipan-kewajipan Pengerusi.

15. *Fasal 11* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlantikan "Ketua Pegawai Eksekutif" menjadi pegawai eksekutif utama Lembaga.

16. *Fasal 12* bertujuan membolehkan Lembaga melantik sekian pegawai dan pengkhidmat sebagaimana yang perlu bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini.

17. *Fasal 13* bertujuan memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

18. *Fasal 14* bertujuan memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan tata tertib pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

BAHAGIAN IV

KEWANGAN

19. Bahagian IV memperkatakan perkara-perkara berhubung dengan kewangan.

20. *Fasal 15* bertujuan menubuhkan Kumpulan Wang Lembaga.
21. *Fasal 16* bertujuan mengadakan peruntukan bagi kewajipan Lembaga untuk memelihara Kumpulan Wang.
22. *Fasal 17* bertujuan mengadakan peruntukan bagi pelbagai perbelanjaan yang boleh dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.
23. *Fasal 18* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perbelanjaan tahunan Lembaga dibayar daripada Kumpulan Wang dengan kebenaran Menteri.
24. *Fasal 19* bertujuan memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai bagi Lembaga dan mana-mana pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta.

BAHAGIAN V

25. Bahagian V bertujuan mengadakan peruntukan bagi kuasa-kuasa tambahan Lembaga.
26. *Fasal 20* bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk meminjam apa-apa wang yang dikehendaki bagi memenuhi obligasi-obligasi atau menunaikan kewajipan-kewajipan Lembaga.
27. *Fasal 21* memberi Lembaga kuasa untuk memberikan pinjaman.
28. *Fasal 22* bertujuan membolehkan Lembaga melaburkan aset-asetnya mengikut cara yang dibenarkan oleh Menteri.
29. *Fasal 23* bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk mengguna khidmat ejen-ejen, penasihat-penasihat teknik dan orang-orang lain untuk membolehkan Lembaga melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta.
30. *Fasal 24* bertujuan memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk menubuhkan perbadanan-perbadanan untuk melaksanakan dan menjaga, mengelolakan dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirancang atau diusahakan oleh Lembaga.

BAHAGIAN VI

31. Bahagian VI bertujuan memperkatakan pendaftaran kontraktor-kontraktor.

32. *Fasal 25* bertujuan mempeintukkan bahawa tiada seorang pun boleh mengakukan untuk menjalankan dan menyiapkan apa-apa kerja pembinaan melainkan jika dia berdaftar dengan Lembaga dan memegang suatu perakuan pendaftaran yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga.

33. *Fasal 26* bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk menyimpan dan menyenggara suatu Daftar yang mengandungi butir-butir kontraktor-kontraktor yang berdaftar.

34. *Fasal 27* bertujuan memberi Lembaga kuasa, dengan notis yang ditetapkan, menghendaki mana-mana orang memberikan butir-butir berhubungan dengan mana-mana kontraktor atau kerja pembinaan.

35. *Fasal 28* bertujuan memperuntukkan penalti bagi apa-apa kegagalan seseorang untuk mematuhi kehendak-kehendak notis yang dikeluarkan di bawah *fasal 27*,

36. *Fasal 29* bertujuan menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang kontraktor menjalankan apa-apa kerja pembinaan tanpa didaftarkan dengan Lembaga.

37. *Fasal 30* bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk menyampaikan notis ke atas kontraktor yang tidak berdaftar dengan Lembaga menghendakinya untuk tidak memulakan atau meneruskan kerja-kerja pembinaan.

38. *Fasal 31* bertujuan memperuntukkan bahawa tiap-tiap kontraktor berdaftar adalah tertakluk kepada Akta.

BAHAGIAN VII

39. Bahagian VII bertujuan memperkatakan akreditasi dan pemerakuan pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan.

40. *Fasal 32* bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk meakreditasi dan memperakui pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan mengikut cara dan bentuk yang ditetapkan.

41. *Fasal 33* bertujuan mengadakan peruntukan bagi Lembaga menyimpan dan menyenggara suatu Daftar yang mengandungi butir-butir pekerja-pekerja binaan mahir dan penyelia-penyelia tapak binaan.

42. *Fasal 34* bertujuan menjadikannya suatu kesalahan bagi seseorang kontraktor berdaftar mengambil kerja mana-mana pekerja binaan mahir yang tak diakreditasi dan penyelia tapak binaan yang tak diakreditasi.

BAHAGIAN VIII

43. Bahagian VIII memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan levi.

44. *Fasal 35* bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk mengenakan levi ke atas tiap-tiap kontraktor berdaftar sebelum bermulanya apa-apa kerja pembinaan yang mempunyai jumlah kontrak lima ratus ribu ringgit ke atas. Kadar levi hendaklah satu perempat peratus daripada jumlah kontrak. Menteri boleh melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* mengurangkan atau menaikkan kadar levi.

BAHAGIAN IX

45. Bahagian IX bertujuan memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan penguatkuasaan dan penyiasatan.

46. *Fasal 36* bertujuan memberi Lembaga kuasa untuk melantik Pegawai-pegawai Penyiasat bagi menjalankan maksud-maksud apa-apa penyiasatan atau pemeriksaan di bawah Akta. Walau bagaimanapun kuasa untuk menangkap mana-mana orang yang mungkin telah melakukan suatu kesalahan hanya boleh dibuat oleh pegawai polis.

BAHAGIAN X

47. Bahagian X mengandungi peruntukan-peruntukan am.

48. *Fasal 37* bertujuan mengadakan peruntukan bagi obligasi mana-mana anggota, pegawai atau pengkhidmat Lembaga untuk memelihara kerahsiaan berkenaan dengan apa-apa maklumat yang diperolehinya semasa menjalankan kewajipan-kewajibannya.

49. *Fasal 38* bertujuan memberi Lembaga kuasa, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dengan lebih baik.

50. *Fasal 39* bertujuan memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta boleh dimulakan kecuali dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya. Mana-mana pegawai Lembaga yang diberikuasa secara bertulis oleh Pengerusi lembaga boleh menjalankan pendakwaan apa-apa kesalahan di bawah Akta.

51. *Fasal 40* bertujuan memperuntukkan penalti am bagi apa-apa kesalahan di bawah Akta atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

52. *Fasal 41* bertujuan memberi Menteri kuasa untuk mengecualikan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mana-mana orang atau golongan orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

53. *Fasal 42* adalah peruntukan peralihan dan kecualian. Seseorang kontraktor, pekerja binaan mahir atau penyelia tapak binaan akan diberi suatu tempoh dua belas bulan dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta untuk memohon bagi pendaftaran, atau akreditasi, pemerakuan dan pendaftaran, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah Akta. Seseorang kontraktor yang menjalankan apa-apa kerja pembinaan menurut kontrak yang disempurnakan sebelum tarikh mula berkuatkuasanya Akta hendaklah dikecualikan daripada pembayaran apa-apa levi di bawah seksyen 35.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 1788.]